

# ‘Abdul Hadi bawa naratif politik kolot, jumud’

Anwar bidas kenyataan Presiden PAS dakwa PH tak sesuai pimpin kerajaan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan, Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang, membawa naratif politik kolot dan jumud apabila cuba memesong pemikiran rakyat apabila mendakwa Pakatan Harapan (PH) tak sesuai memimpin kerajaan kerana dikuasai bukan Melayu.

Perdana Menteri menegaskan,

perkara sedemikian tidak seharusnya timbul memandangkan tumpuan kerajaan kini untuk merangka dasar yang dapat memanfaatkan negara, pada masa sama mempertahankan setiap inci hak Melayu dan Islam.

“Tanya dia di mana bahasa, budaya, Islam, seni, sastera...yang kita lakukan (khianat).

Negara ini pelbagai kaum, sementara kita angkat penghormatan Islam, kita kena jaga hak (semua kaum) yang perlu dipelihara.

“Ini perjanjian dan jaminan keamanan negara kita. Saya tidak cenderung (tidak suka melihat) rakyat terus dipesongkan dengan sentimen seperti ini,” katanya ditemui media selepas merasmikan Pameran Orientalism Paintings di Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Yayasan Al-Bukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Syed Al-Bukhary

Abdul Hadi yang juga Ahli Par-



Anwar meneliti buku katalog Pameran Orientalism Paintings sambil diperhatikan Syed Mokhtar (kanan) di Muzium Kesenian Islam, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

limen Marang, menyatakan sedemikian dalam kenyataannya kelmarin, sambil mendakwa kerajaan yang ada ketika ini lemah kerana tidak diterajui parti Melayu Islam untuk memimpin Malaysia yang majoriti rakyatnya Melayu dan beragama Islam.

## Tak khianati orang Melayu

Mengulas lanjut, Anwar menyifatkan, Abdul Hadi cuba membawa naratif politik kolot dan jumud.

“Dia kira tak betul, dia perlu buat kiraan yang betul. Apa yang penting bukan soal jumlah majoriti (kaum) atau tidak, yang

penting dasar yang kita tinggalkan ini, apa yang kita khianat orang Melayu.

“Yang kita curi tanah Melayu, curi saham, yang curi projek, jangan gunakan politik kolot dan jumud. Yang tak dijawab mengapa sekarang kita boleh ambil tindakan tegas, hentikan rompakan (wang rakyat),” katanya.

Beliau berkata, kerajaan dan pembangkang seharusnya menumpukan kepada usaha untuk mempertahankan perlembagaan serta kedudukan Islam, membasmi kemiskinan dan yang utama hentikan amalan guna kuasa dan kedudukan.

“Saya tahu ada kalangan pembesar, tokoh lama dia kata buat apa mahu dikorek yang lama-lama. Bukan saya korek, harta rakyat mesti dipulangkan.’ Kalau lihat naratif yang lama-lama, di kalangan orang yang ada kes, kalau diteliti betul-betul..dia takut. Kamu sudah ambil pulangan balik.

“Bagi saya apa yang perlu, kita pertahankan Perlembagaan, kita tingkatkan makna bahasa dan budaya, Islam, membasmi kemiskinan dan hentikan amalan guna kuasa dan kedudukan. Ini yang patut ditekankan Kerajaan Perpaduan dan pembangkang,” katanya.